

14 DEC 1997

Osu-Jawatan

KEPUTUSAN GHAPUR TIDAK JEJAS PERSEDIAAN PILIHAN RAYA, KATA OSU

KOTA KINABALU, 14 Dis (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam hari ini berkata, keputusan Datuk Abdul Ghapur Salleh untuk meletakkan jawatan sebagai timbalannya dalam parti, tidak menjejaskan persediaan Umno untuk menghadapi pilihan raya umum negeri akan datang.

Ketika mengumumkan peletakan jawatannya semalam di ibu pejabat Umno bahagian Tawau, Ghapur berkata beliau turut melepaskan jawatannya sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri kewangan yang berkuatkuasa pada 18 Dis ini.

"Ini merupakan perkara biasa dalam politik dan saya percaya ia tidak menjejaskan persediaan kita untuk menghadapi pilihan raya lagipun beliau masih kekal sebagai ketua Umno bahagian Tawau," katanya kepada pemberita selepas melancarkan larian amal anjuran Parti Liberal Demokratik (LDP), di Padang Merdeka, di sini.

Osu yang juga Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi berkata beliau akan memaklumkan peletakan jawatan Ghapur sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri kepada Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau, bagaimanapun tidak menyatakan sama ada beliau sudah menerima surat rasmi peletakan Ghapur atau tidak.

"Sehingga pagi ini, saya belum dapat menghubungi beliau untuk mendapat penjelasan mengenai sebab sebenar beliau berbuat demikian," katanya.

Difahamkan, setiausaha sulitnya (Osu) kini berada di Tawau untuk menemui Ghapur.

Mengenai pengganti Ghapur dalam Kabinet negeri, Osu berkata ia terserah kepada pucuk pimpinan Umno negeri untuk menentukannya.

Sementara itu, di Tawau, BERNAMA juga difahamkan bahawa Ghapur sudah menemui Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee di Lahad Datu petang semalam.

Yong yang pada ketika itu melawat kawasan pantai timur Sabah, dikatakan telah memanggil beliau untuk menemuinya sebaik sahaja mengetahui berita peletakan jawatan oleh Ghapur. -- BERNAMA

NT IL PR